

BH 29/3/08 m/s 12

Pelajar universiti kena mendalami ilmu

Oleh Abdul Razak Idris

BENARKAH Akta Universiti Dan Kolej Universiti (AUKU) mengekang mahasiswa di institut pengajian tinggi (IPT) daripada aktif di dalam pertubuhan politik di luar kampus dan mereka lesu dan tidak inovatif ketika mengikuti kuliah? Perlukah mereka menjadi pemimpin luar kampus sedang di dalam kampus sendiri masih merangkak mencari prinsip perjuangan?

Kebanyakan ahli profesional seperti doktor, peguam, jurutera, akauntan dan pegawai kumpulan A kerajaan pernah menuntut di IPT sama ada di dalam atau luar negara. Sesetengah mereka sedar kewujudan AUKU sedikit sebanyak boleh menyekat suara kemahasiswaan dalam memperkatakan dan memperjuangkan sesuatu isu sesama.

Dengan wujudnya akta sedemikian tidak perlu kita membuka lipatan sejarah kerana AUKU bukan sekadar menyekat mahasiswa melempiaskan idea keadilan asasi tetapi lebih daripada itu untuk berlaku adil kepada diri mahasiswa agar platform sebagai mahasiswa perlu digunakan untuk menuntut ilmu.

Sebagai pelajar yang masih setengah masak, peredaran zaman menjadikan situasi di abad ke-20 dan 21 ini amat berbeza. Abad ke-20 negara kita pada tahap mengukuhkan perancangan pembangunan dan merencanakan ekonomi mengikut demografi. Pendidikan juga menjadi keutamaan di mana selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) diwujudkan beribu-ribu pelajar dihantar ke luar negara untuk menuntut ilmu. Sudah pasti pemimpin yang ada sekarang sebahagian daripada pelajar ini.

Nyata sekali kembara ke tanah asing bukan untuk aktif bersosial dan mempelajari

budaya hippies. Tujuan pelajar dihantar adalah untuk memenuhi harapan bangsa Malaysia agar kepulauan bakal doktor, peguam dan jurutera dan lain-lain akan menjadikan mereka pemimpin di hospital, firma guaman, jabatan kerajaan atau pemimpin nasional.

Segala-galanya tidak banyak berubah. Mahasiswa memang perlu aktif memimpin iaitu memimpin diri menjadi arif dalam bidang yang mereka pelajari dan sebarang pembabitan di luar kampus patut ditandakan kerana apabila mahasiswa bijak dalam bidang mereka, maka automatik mindanya terarah dan fokus dalam hidup dan bila sudah khatam sebagai mahasiswa.

Secara tidak langsung mereka kelak akan berjuang dan dilantik menjadi pemimpin tidak kira dalam parti politik atau pemimpin saf hadapan dalam masyarakat itu sendiri.

Sejak zaman berzaman tradisi keilmuan menjadikan seseorang pemimpin itu dihormati. Dari zaman keagungan Islam selepas risalah terakhir al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad hingga ke zaman Bani Umayyah, Bani Abbasiyah dan Empayar Uthmaniyyah di Turki, tradisi keilmuan yang menjadikan seseorang pemimpin itu disanjung tinggi bukan terhadap kepemimpinan semata-mata. Disebabkan mahu menjadi pemimpin tanpa ilmu yang dipelajari sedalam-dalamnya maka jadilah mereka pemimpin yang cakap tidak serupa bikin. Misalnya pemimpin yang hebat meniup semangat ketenteraan dalam angan mestilah pemimpin yang mahir dan handal dalam seni mempertahankan diri dan persenjataan dan pemimpin seperti ini mesti menjadi kepala bala tentera.

Pada zaman Nabi Muhammad, Perang Badar dan Perang Ahzab antara orang Islam

Madinah dengan kaum mus yrikin Makkah jika bukan kerana taktik mengorek parit sebagai menghalang musuh menyerang Kota Madinah tidak dijelmakan oleh pemimpin hebat seperti Rasulullah yang mempunyai daya kepemimpinan yang tinggi serta ilmu dan strategi perang yang lengkap di dada sewaktu menghapuskan musuh dan pengkhianat.

Kisah Nabi ini menunjukkan keilmuan menjadikan mahasiswa lebih efisien sebagai pemimpin. Jika dikaji hayat Hang Tuah yang menjadi laksamana, disiplin ilmu beliau adalah kependekaran dan ilmu batin barulah beliau memikul tugas di laut dan seterusnya memimpin tentera laut yang terkenal di seluruh Nusantara.

Ketika bergelar mahasiswa, mereka harus mengambil peluang untuk menimba ilmu sebanyak-banyaknya dengan membuat kajian, kolokium dan konvensyen. Bila mahasiswa telah mahir dalam bidang keilmuan secara automatik jika ada niat hendak menjadi pemimpin pula nescaya ada yang mengajukan nama menjadi pemimpin parti politik atau NGO.

Apa faedah menjadi pemimpin burung kakak tua akan mengikut saja idea daripada sumber yang tidak bersifat setempat demi mencapai cita-cita yang lebih bersifat keakuan lantas melupakan ilmu yang dituntut. Maka jadilah pemimpin yang setiap gerak-gerinya tidak disertai ilmu tapi lebih kepada seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk sendiri.

Kepemimpinan di mana-mana negara di depan isu globalisasi yang turut disuarakan pemimpin terdahulu sebagai suatu sebab pemimpin kita wajib berhati-hati dengan perkara ini. Setiap perkara yang berlaku di Amerika Syarikat, misalnya akan memberi kesan hilsiran kepada negara lain terutama di dunia ketiga.

Kenaikan harga minyak akibat kesan peperangan di Iraq misalnya menyebabkan harga minyak melambung dan kesannya kepada negara kita perlu membayar lebih bagi setiap liter akibat subsidi yang terlampau tinggi untuk diserap oleh Kerajaan. Fakta sebegini memerlukan ilmu ekonomi untuk dilaksanakan pemimpin bagi menerangkan kepada rakyat mengenai kenaikan sesuatu barang dan kaedah mengatasinya.

Di dunia yang dipanggil dunia digital ilmu dan kepemimpinan perlu selari agar kita menjadi ahli profesional yang berkaliber dan berintegriti. Untuk mencapai status ini ilmu atau pelajaran perlu ditutamakan ketika di universiti, tidaklah kita dipandang orang ramai hanya se-kadar pemimpin lulusan IPT yang pandai memberi arahan dan saranan tapi tanpa isi dan tindakan langsung tidak berhikmah.

Sesungguhnya manusia lahir dengan potensi dan potensi tersebut perlu diadun mengikut agenda kehidupan. Pemimpin terdahulu telah memberi warna yang se-cantiknya atas nama menjaga keamanan negara apabila AUKU dilahirkan demi menggilap potensi menuntut ilmu di kalangan mahasiswa pasca 1974. Apabila se-gulung kertas bermaruah iaitu ijazah di dalam tangan gilap pula potensi menjadi pemimpin atau khalifah di muka bumi Allah SWT ini.

Jika masa tidak mencemburui kita, akan tiba ketikanya mahasiswa menjadi pelapis kepemimpinan. Bagi yang bertuah menjadi pemimpin muda tunjukkan jati diri dan ilmu yang hebat dituntut ketika di IPT kerana anda adalah bukti kukuh bahawa menara gading bukannya tempat untuk menyimpang dari segi perjuangan untuk menjadi pemimpin di luar lingkaran.